

## PENGENALAN

Konvensyen Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh JUPEM bagi menyemarakkan kesedaran dikalangan anggota perkhidmatan awam amnya dan warga JUPEM khasnya untuk terus meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya saing antara mereka. Pertandingan ini secara tidak langsung dapat membantu mencetuskan idea-idea yang bernas dan inovasi baru yang diperlukan dalam melaksanakan tugas demi untuk meningkatkan kualiti.

Penganjuran Konvensyen ini adalah selaras dengan Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 – Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif pada 30 Ogos 2016 bagi menggantikan Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dikeluarkan pada 1 November 2009 oleh pihak MAMPU.

### Objektif

Konvensyen ini diadakan khusus kepada pasukan KIK di JUPEM Negeri dan Bahagian di Ibu Pejabat supaya:

- a. Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga JUPEM yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang kumpulan KIK membuat persembahan dan seterusnya secara langsung memberi kebaikan dan menaikkan imej jabatan
- b. Membuka minda warga JUPEM bahawa kreativiti dan inovasi adalah teras kejayaan dalam pekerjaan dan menggalakkan warga JUPEM berfikir di luar kotak yang merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan kelas pertama
- c. Membuktikan dan memberi keyakinan kepada Perkhidmatan Awam bahawa KIK boleh dilaksanakan dalam sektor awam, khususnya di JUPEM
- d. Meyakinkan bahawa KIK dapat membantu Pengurusan JUPEM dalam menyelesaikan masalah berkaitan dengan kerja dan seterusnya membuat penambahbaikan secara berterusan
- e. Mendapatkan maklumbalas mengenai masalah-masalah yang dihadapi dalam melaksanakan KIK dalam sektor awam, bagi tujuan untuk memperkembangkan lagi keberkesanan program KIK